

Ahli arkeologi menang Hadiah Sejarah Singapura



HADIAH PERINTIS: Profesor John N. Miksic menang hadiah yang dianugerahkan Universiti Nasional Singapura. – Foto BH oleh MARK CHEONG

AHLI arkeologi perintis yang membuktikan bahawa sejarah Singapura bermula awal sebelum pendaratan Sir Stamford Raffles pada tahun 1819 telah dianugerahkan Hadiah Sejarah Singapura yang pertama.

Profesor John N Miksic dianugerahkan hadiah tersebut oleh Universiti Nasional Singapura (NUS).

Warga Amerika itu dipilih berdasarkan bukunya, *Singapore And The Silk Road Of The Sea, 1300-1800*, yang memberikan perincian hasil penyelidikan arkeologi beliau dalam sejarah Singapura selama 25 tahun dan menyorotnya seawal abad ke-14.

Pengerusi Institut Asia Timur NUS, Profesor Wang Gungwu, berkata: "Kami sekarang tahu lebih banyak tentang Singapura pada abad ke-14 daripada mana-mana juar bandar lain di rantau ini dalam tempoh yang sama itu."

Menurut Profesor Wang, buku tersebut telah membantu mengesahkan melalui bukti

arkeologi yang konkret bahawa sejarah Singapura sebenarnya bermula lebih daripada 700 tahun.

Rekod awal sebelum ini - sama ada Cina, Melayu atau Eropah - tambah Profesor Wang hanya sekadar boleh dispekulasikan sebagai merujuk kepada Singapura, memandangkan beberapa nama hilang semasa proses penterjemahan.

Profesor Miksic, daripada jabatan pengajian Asia Tenggara NUS yang memenangi wang tunai \$50,000 sebagai sebahagian daripada hadiah tersebut bercadang menggunakan wang kemenangan untuk latihan dan penggalian pada masa depan.

Di samping itu, beliau juga mahu membaik pulih artifak yang ada di makmalnya.

Buku Profesor Miksic mengalahkan 29 penyertaan lain dan empat karya yang disenarai pendek. Ia termasuk buku tentang sarung kebaya, Kebakaran Bukit Ho Swee dan Taman Bunga Singapura.

Ahli arkeologi itu dipilih sebagai pemenang oleh panel juri empat anggota yang dipengerusikan oleh Profesor Wang.

Hadiah Sejarah Singapura itu akan diberikan setiap tiga tahun, dengan anugerah seterusnya akan disampaikan pada tahun 2020 atau 2021.

Profesor Miksic, yang merupakan orang pertama yang menjalankan penggalian arkeologi di Singapura pada 1984, di Fort Canning, berkata beliau amat berterima kasih atas pengiktirafan tersebut.

Beliau berkata: "Ia benar-benar memberikan jabatan kami kepercayaan yang belum pernah kami perolehi sebelum ini."

Banyak penggalian di dalam buku itu adalah hasil jerih payah serta air mata lebih daripada 1,000 sukarelawan Singapura, kata beliau.

"Saya rasa saya terhutang budi kepada mereka, untuk menulis buku ini dan menunjukkan tugas penting yang telah mereka lakukan," tambah Profesor Miksic.